

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 16 (A23)

Permohonan pembinaan Sekolah Menengah di Zon Cahaya Masai. Tapak sekolah telah ada di sebelah Sekolah Kebangsaan Taman Cahaya Masai. Bilakah pembinaan Sekolah tersebut akan dimulakan?.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Buat masa ini, Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada perancangan untuk membina sebuah sekolah menengah baharu di Zon Cahaya Masai. Hal ini demikian kerana sebuah sekolah menengah baharu telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-11 di Jalan Merpati, Taman Scientex yang melibatkan skop kerja pembinaan 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di SMK Taman Scientex 2, Pasir Gudang, Johor. Projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Malaysia. Projek pembinaan SMK Taman Scientex 2, kini dalam proses reka bentuk dan dijangka tender akan dikeluarkan pada tahun ini. Jarak SMK Taman Scientex 2 dari Zon Cahaya Masai adalah sejauh 3.5 kilometer.

Untuk makluman YB Tuan Speaker, perancangan bagi pembinaan sesebuah sekolah baharu juga dibuat dengan mengambil kira beberapa faktor lain seperti berikut:

- Kesediaan tanah atau tapak di kawasan perumahan tersebut terutama dari segi status pemilikan tanah dan kesesuaian tapak.
- Unjuran penduduk setempat dengan melihat trend sekurang-kurangnya untuk tempoh lima (5) tahun.
- Mengambil kira taburan sekolah sedia ada (radius 5 KM hingga 10 KM dari kawasan cadangan).

Sekiranya terdapat tapak yang bersesuaian dan selesai dari segi pemilikan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan mengangkat permohonan pembinaan bagi sekolah baharu tersebut di dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 17 (A155)

Apakah usaha terkini kerajaan negeri dalam menggalakkan E-dagang, terutamanya kepada individu yang ingin mula berniaga?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Perling mengenai usaha terkini kerajaan negeri dalam menggalakkan E-Dagang di kalangan usahawan negeri ini.

Bagi makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif bagi tujuan membantu meningkatkan kesedaran usahawan, membimbing mahupun menyediakan platform pemasaran bagi menggalakkan lagi para usahawan di negeri ini menceburi, menerokai dan seterusnya melakukan transformasi kaedah perniagaan kepada E-dagang atau digital.

Kerajaan menerusi Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) giat melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi tujuan tersebut. Pelbagai kursus yang telah dianjurkan oleh PUJB secara atas talian di platform media sosial PUJB menerusi program PUJB@Biz Talk bagi memudahkan PKS mencapai maklumat yang berkaitan selain mendapat tunjuk ajar dari para mentor yang terdiri dari pakar atau pegawai kanan agensi keusahawan yang terlibat. Sehingga 1 Ogos, lebih 20 kursus telah dilaksanakan secara atas talian selain kursus secara fizikal dengan memberi manfaat lebih kepada 24,233 ribu penonton sepanjang siri ini berlangsung.

PUJB juga telah mengambil inisiatif mewujudkan PUJB TV di platform media YouTube bagi tujuan penyediaan platform pemasaran alternatif kepada usahawan negeri ini. Sepanjang tempoh ianya diwujudkan hingga kini, PUJB TV berjaya mengumpul lebih 1500 pelanggan dan berjaya mencatatkan lebih 5,000 jumlah tontonan keseluruhan.

Susulan kejayaan inisiatif Johor E-Market Place yang amat memberangsangkan pada tahun lalu, Kerajaan negeri Johor telah meneruskan usahasama pintar bersama penyedia platform E-dagang no satu Asia iaitu Shopee bagi meneruskan inisiatif Johor E-Market Place.

Johor E-Marketplace juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu golongan usahawan untuk terus maju menerusi perniagaan secara dalam talian, terutamanya semasa menghadapi cabaran pasca COVID-19. Usaha ini bakal memberi manfaat kepada lebih 3,000 usahawan di negeri ini serta jutaan pengguna platform e-dagang Shopee. Selain berpotensi memasarkan produk-produk hasil usahawan negeri Johor ke seantero Malaysia, platform ini juga membolehkan para usahawan menyediakan diri dan keupayaan syarikat untuk menerokai pasaran yang lebih besar dan meluas.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usahasama pintar ini juga akan membuka ruang kepada para usahawan di negeri ini meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang E-Dagang kerana berpeluang untuk menyertai E-University Shopee yang menawarkan pelbagai informasi serta kursus latihan yang berkaitan secara percuma. Justeru itu, di sini saya ingin menegaskan kepada para usahawan di negeri agar mengambil segala peluang yang disediakan dan ditawarkan oleh kerajaan. Para usahawan perlu peka agar tidak terlepas peluang serta manfaat yang ditawarkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 18 (A17)

Mohon statistik untuk vaksin kawasan kulai. Berapakah peratus pendaftar vaksin, berapakah peratus penerima dos pertama, dan berapakah pendaftar yang belum divaksin?

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 19 (A30)

Nyatakan peratus rakyat Johor & dewasa yang dapat 2 dos vaksin setakat hari ini berbanding dengan peratusan negeri-negeri lain di Malaysia?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 20 (A52)

Berapakah kadar vaksinasi mengikut daerah untuk satu hari dan berapakah kadar yang boleh dicapai mengikut daerah boleh dicapai pada peringkat maksimum?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 21 (A60)

Nyatakan jumlah warga emas yang telah mendaftar vaksin tetapi masih belum menerima tarikh temu janji mengikut setiap daerah.

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)

SOALAN 22 (A65)

Sila berikan statistik terkini bilangan warga Johor yang masih belum menerima vaksin mengikut kategori umur 18 dan 60 tahun ke atas mengikut daerah di Negeri Johor serta pelan melengkapkan vaksin dua dos lengkap mengikut bulan bagi setiap daerah tersebut?

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 23 (A94)

Berapakah jumlah vaksin yang telah diterima oleh Negeri Johor setakat ini dan yang akan diterima sehingga akhir tahun ini di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan bilakah jangkaan Imuniti Kelompok di Negeri Johor akan dicapai?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 24 (A111)

Rakyat Negeri Johor menjadi antara negeri paling sedikit dalam Malaysia yang menerima Dos suntikan vaksin Covid-19. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan jumlah penerima vaksin ini?

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 25 (A120)

Apakah kerajaan negeri akan mengadakan program outreach suntikan vaksin ke kampung-kampung dan Felda-Felda memandangkan kami menerima banyak aduan di mana pendaftaran yang dibuat pada bulan Febuari 2021 sehingga kini masih belum di vaksin?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 26 (A123)

Selain program outreach, PPV dan Movac adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan lain untuk menyegerakan suntikan vaksin di negeri Johor ?

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 27 (A187)

Berdasarkan statistik semasa, seramai 2, 5433, 666 (93.8%) sudah mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin. Namun, hanya lebih kurang 963, 342 (25.5%) yang telah mendapatkan suntikan pertama. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan kadar vaksinasi dapat dipertingkatkan?

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 28 (A201)

Bilakah program Vaksinasi Covid-19 di Negeri Johor dijangka mencapai imuniti kelompok (Herd Immunity)?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 29 (A204)

Mengapa kadar vaksinasi di Johor begitu rendah khususnya Johor Bahru?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 30 (A208)

Senaraikan kadar vaksinasi dan bilangan penerima vaksin di Johor mengikut daerah dan kategori umur 18-29, 30-39, 40-49, 50-59, 60-69, 70-79, 80-89, 90-99, dan 100 ke atas.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

(Jawapan bersekali untuk soalan A17, A30, A52, A60, A65, A94, A111, A120, A123, A187, A201, A204 & A208)

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

LATARBELAKANG DAN LIPUTAN PROGRAM PICK

1. Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) telah dilancarkan di Negeri Johor pada 1 Mac 2021 dengan sasaran untuk memvaksinasi kesemua warganegara dan bukan warganegara yang layak. Objektif utama program PICK adalah untuk mencapai tahap imuniti berkelompok (*herd immunity*) di kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, yang dianggarkan seramai 2.71 juta orang di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

2. ProtectHealth Corporation Sdn Bhd telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pelaksana bagi penglibatan Pusat pemberian swasta dan PICK fasa 2
3. Pelaksanaan program dirancang mengikut tiga fasa pelaksanaan, bermula dengan fasa satu dari 1 Mac 2021 sehingga 28 April 2021, melibatkan semua petugas barisan hadapan atau *frontliners* COVID-19. Fasa dua yang bermula pada 29 April sehingga Ogos 2021, mengutamakan golongan rentan, terdiri dari golongan wargaemas, mereka yang berpenyakit (tanpa mengira umur) dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Seterusnya fasa 3 yang bermula mulai bulan Ogos 2021 melibatkan semua golongan masyarakat yang berumur 18 tahun ke atas.
4. Sehingga 6 Ogos 2021, Negeri Johor telah dapat mencapai tahap suntikan dos satu sebanyak **1,303,995** dos (48.1% penduduk dewasa) dan lengkap menerima dua dos sebanyak **505,251** dos dua (18.6% penduduk dewasa)

JADUAL 1: PENCAPAIAN PICK NEGERI JOHOR SEHINGGA 6 OGOS 2021

Daerah	Populasi dewasa	Vak Dos 1	Vak Dos 2	% VAK 1	% VAK 2
Johor Bahru	1126585	568655	156351	50.5	13.9
Muar	199933	144190	50539	72.1	25.3
Batu Pahat	334422	166634	69000	49.8	20.6
Kluang	244912	88011	39918	35.9	16.3
Segamat	153200	56598	40232	36.9	26.3
Kota Tinggi	155168	64639	48056	41.7	31.0
Mersing	57027	25787	17163	45.2	30.1
Pontian	125234	44607	29970	35.6	23.9
Kulai	205873	70890	32481	34.4	15.8
Tangkak	110230	73984	21541	67.1	19.5
JOHOR	2712584	1303995	505251	48.1	18.6

5. Melihat kepada pecahan pemberian vaksinasi mengikut fasa, sehingga 28 April 2021, sebanyak 71,623 petugas barisan hadapan (5.7% keseluruhan yang diberi vaksin) telah diberi vaksinasi di Negeri Johor semasa fasa satu. Fasa dua yang sepatutnya berakhir pada bulan Julai 2021, melaporkan sebanyak **1,232,372** orang telah diberi suntikan


**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

sehingga 6 Ogos 2021 dengan **438,247** dos kedua diberikan. Fasa ketiga dijangka boleh dimulakan semasa bulan Ogos 2021.

6. Bilangan wargaemas yang disasarkan di Negeri Johor bagi program PICK adalah sebanyak 428,700 orang, di mana sebanyak 421,631 (98.4%) orang telah berdaftar di dalam MySejahtera sehingga 1 Ogos lalu. Sehingga 5 Ogos 2021, seramai 405,235 telah diberi suntikan vaksin (94.5%) dan selebihnya telah diberi temujanji di dalam MySejahtera. Di sini pihak pemimpin tempatan dapat memainkan peranan di dalam mengenalpasti baki wargaemas yang masih belum dikesan agar mereka juga berpeluang mendapat suntikan Vaksin COVID-19
7. Kebimbangan masakini adalah mengenai liputan vaksinasi yang rendah di negeri Johor. Walaupun pembekalan vaksin ke Negeri Johor merupakan bilangan ketiga tertinggi di Malaysia selepas negeri Selangor dan Sarawak, namun liputan vaksinasi masih pada tahap yang rendah berbanding dengan negeri lain memandangkan bilangan populasi Negeri Johor yang tinggi.
8. Jumlah vaksin yang telah diterima oleh Negeri Johor mulai tarikh permulaan vaksinasi di Negeri Johor iaitu 1 Mac 2021 sehingga 1 Ogos 2021 adalah sebanyak **2,171,910 dos**.
9. Setakat 31 Julai 2021, jumlah laporan kejadian **kesan advers berikutan pelalian** (AEFI) vaksin COVID-19 yang diterima oleh fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Johor adalah sebanyak 659 laporan. Daripada jumlah ini, terdapat 16 kes kematian yang dilaporkan. Perbincangan untuk sembilan kes kematian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Vaksin COVID-19 Negeri Johor telah diadakan pada 13 Julai 2021 dan adalah diputuskan bahawa semua kes kematian tiada berhubungkait dengan pemberian vaksin COVID-19.
10. Mengetahui bahawa terdapat keperluan untuk mempercepatkan kadar liputan vaksinasi sebagai sebahagian dari langkah utama menangani pandemic COVID-19, berserta kebergantungan terhadap bekalan vaksin, kerajaan negeri Johor melalui agensi berkenaan telah membuat perancangan awal untuk memaklumkan keperluan bekalan dan kapasiti negeri.
11. Di samping itu, kerajaan negeri telah berusaha mendapatkan lebih vaksin COVID-19 dengan:
 - a. Menaikkan kapasiti harian suntikan vaksin dengan pembukaan 12 PPV Mega/Integrasi yang berskala besar
 - b. Memastikan bekalan vaksin yang diterima adalah mengikut kuantiti yang dikehendaki iaitu 490,000 dos seminggu mulai minggu ke-4 dan ke-5 Julai sehingga 30 September 2021 bagi mencapai sasaran 100% rakyat Johor dewasa mendapat suntikan dos pertama menjelang 31 Ogos 2021
 - c. Mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak CITF Kebangsaan, walaupun berlatarbelakangkan situasi negara yang menghadapi masalah pembekalan lewat dari luar Negara.
 - d. Kerajaan negeri telah membuat permohonan membawa masuk vaksin COVID-19 ke Johor melalui negara jiran Singapore

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

- e. Kerajaan negeri turut memohon pembelian vaksin COVID-19 oleh kerajaan negeri dan pihak swasta bagi mempercepatkan proses suntikan vaksin di Johor. Kelulusan ini hanya diberikan di hujung bulan Julai
- f. Pelaksanaan Program ImmuPlan adalah sebuah inisiatif oleh kerajaan negeri Johor untuk tujuan membantu rakyat yang berkerja, ataupun pernah berkerja di negara Singapura tetapi terjejas oleh penutupan sempadan. Ia mengambil kira konsep *Public-Private collaboration* yang diharap dapat turut meningkatkan vaksinasi di kalangan economic frontliners di negeri Johor.
- g. Desakan pihak tertentu untuk negeri Johor melaksanakan *Operations Surge Capacity* seperti mana dilaksanakan di GKV, tidak relevan di dalam konteks negeri Johor. Ini adalah kerana pelaksanaan pemberian vaksin adalah selari dengan objektif PICK GKV, cuma kebergantungan kepada pembekalan vaksin yang mencukupi masih menjadi isu utama
12. Kini negeri Johor dapat meningkatkan kadar liputan dengan pembekalan vaksin yang lebih konsisten dari pihak pusat di mana sebanyak 1.3 juta vaksin telah dibekalkan pada penghujung bulan Julai.



13. Dijangka program PICK akan selesai pencapaian imunisasi di akhir bulan Oktober nanti dengan kapasiti harian PPV Johor adalah 70 ribu sehari. Adalah diharap dengan penerimaan semua rakyat Johor akan dapat mencapai sasaran imuniti berkelompok pada bulan November 2021.

PEMBEKALAN DAN PENGAGIHAN VAKSIN

- Jumlah vaksin yang telah diterima oleh Negeri Johor di bawah Program PICK mulai tarikh permulaan vaksinasi di Negeri Johor iaitu 1 Mac 2021 sehingga 1 Ogos 2021 adalah sebanyak 2,171,910 dos.
- Untuk mencapai Imuniti kelompok (80% penduduk dewasa divaksinasi) pada 31 Oktober, 2021, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menetapkan bekalan vaksin Covid-19 yang perlu diterima pada setiap minggu adalah sebanyak 490,000 dos mulai minggu ke-4 dan ke-5 Julai sehingga 30 September 2021 dengan jumlah keseluruhan sebanyak

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

4,865,580 dos. Untuk itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan membuat pemantauan rapi setiap minggu untuk memastikan jumlah vaksin yang diterima adalah mengikut kuantiti yang dikehendaki 490,000 dos seminggu.

3. Sering dibangkitkan isu pengagihan vaksin yang tidak sama-rata di antara daerah. Keutamaan pengagihan vaksin dirancang mengikut fasa dan pendaftaran mereka mengikut kriteria fasa berkaitan.
4. Jabatan Kesihatan sentiasa berusaha mempercepatkan pencapaian herd immunity kepada semua daerah di negeri Johor. Kearah itu pengagihan vaksin adalah bergantung kepada bilangan populasi yang disasarkan dengan keutamaan diberikan kepada golongan rentan seperti wargaemas dan mereka yang berkemobiditi.
5. Walaubagaimanapun, pihak jabatan turut membantu memenuhi semua permohonan yang diajukan dan diutamakan oleh pihak MOSTI, tetapi kriteria mereka yang berisiko masih diutamakan.
6. Memandangkan situasi kenaikan kes dan kluster COVID-19 yang semakin meningkat di negeri Johor, jabatan kesihatan juga turut memantapkan vaksinasi di lokasi wabak atau kes COVID-19 tinggi dengan kematian yang tinggi yang dilaporkan.
7. Dengan itu, ketidaksamaan pengagihan banyak bergantung kepada situasi semasa COVID-19 dan pembekalan vaksin semasa. Sebagai contoh, kejadian kluster COVID-19 dengan kematian yang tinggi di daerah Muar (kadar kematian 1.6%) dan daerah Tangkak (kadar kematian 1.9%) pada bulan Julai, membolehkan tindakan penyegeraan vaksinasi di lokasi wabak tersebut. Begitu juga kadar liputan yang rendah di daerah Kulai berkait rapat dengan kawasan tersebut sebagai kawasan perindustrian, yang mana sebilangan besar penduduk di kalangan mereka yang muda di dalam fasa 3 program PICK. Walaubagaimanapun dengan peningkatan vaksinasi yang dirancangkan, situasi liputan rendah ini diharapkan akan dapat dipertingkatkan lagi.
8. Pengagihan vaksin juga bergantung kepada kapasiti vaksinasi di setiap daerah. Kearah itu usaha untuk meningkatkan kapasiti pemberian vaksin setiap daerah telah dirancang awal.
9. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Negeri Johor bagi memenuhi keperluan vaksinasi masyarakat Johor. PPV telah beroperasi semenjak Mac 2021 dengan sebanyak 227 PPV masih lagi aktif.
10. Dari jumlah tersebut, sebanyak 156 PPV Klinik Perubatan Am Swasta (PPVGP) dan 20 PPV Hospital Swasta (PPVHS) serta 12 PPV Integrasi dan Mega yang boleh menampung kapasiti suntikan sebanyak 1,500-7,000 dos sehari di setiap PPV, beroperasi dengan berdaftar di bawah ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd
11. Sementara 9 PPV Industri di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (**PIKAS**) dirancang di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sehingga 1 Ogos 2021, seramai 48,774 pekerja kilang telah diberi vaksinasi di PPV Industri di negeri Johor. Usaha untuk meningkatkan bilangan PPV ini masih diteruskan dengan pembekalan vaksin yang mencukupi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

12. Kapasiti kesemua PPV di negeri Johor adalah 70 ribu sehari dan mencukupi untuk menampung penduduk Negeri Johor. Pihak CITF Persekutuan juga telah memaklumkan tiada keperluan lagi Negeri Johor untuk menambah PPV baharu.
13. Kapasiti PPV yang dirancang oleh Jawatankuasa vaksinasi COVID-19 (CITF) negeri Johor dapat menampung keperluan vaksinasi harian sebanyak 70,000 dos sehari. Walaubagaimanapun keupayaan ini amat bergantung kepada bilangan bekalan vaksin yang diterima secara berperingkat.
14. Dengan itu, bagi menjawab persoalan dari YB –YB tentang keperluan menambahkan lagi PPV di lokasi masing-masing, serta membuka PPV sehingga larut malam, bilangan PPV sedia ada dan penjadualan yang dilaksanakan mampu mencecah kapasiti yang diperlukan. Begitu juga tiada keperluan semasa PPV di setiap kawasan Dun atau Parlimen kerana capaian perjalanan di dalam sesuatu daerah masa kini mengambil masa tidak melebihi 45 minit sahaja.
15. Bagi lokasi pedalaman pula, setiap daerah melaksanakan program **Outreach** agar capaian bagi mereka yang kurangupaya dan berada di lokasi yang amat jauh dan sukar ke PPV dapat dipastikan. Lokasi tersebut melibatkan felda-felda pedalaman, pulau, kampung orang asli. Sehingga 31 Julai 2021 seramai 71,151 penerima vaksin di pedalaman telah dikenalpasti melalui program outreach PICK dan mendapat sekurang-kurangnya satu dos.
16. Jabatan kesihatan maklum terdapat banyak aduan tentang mereka yang perlu berjalan jauh, kadangkala merentas daerah. Susulan jabatan mendapati maklumat peribadi kurang tepat termasuk alamat yang tepat atau didaftar oleh anak mereka yang tidak tinggal bersama-sama dengan ibu bapa. Walaubagaimanapun jabatan kesihatan, melalui setiap Pejabat Kesihatan Daerah mampu memperbetulkan alamat PPV jika dimohon oleh vaksinii. Adalah diharapkan penduduk memeriksa alamat serta maklumat yang diberikan di dalam MySejahtera adalah tepat dan sahih. Mereka juga boleh mengemukakan masalah dalam *helpdesk* di aplikasi MySejahteraserta memohon pertukaran PPV yang dikehendaki
17. Bagi mereka yang berdaftar awal, sekiranya mereka tidak termasuk di dalam golongan rentan, temujanji mereka agak lewat kerana fasa ketiga hanya bermula pada bulan Julai 2021. Isu ini juga menimbulkan persoalan bahawa terdapat

JADUAL 2: KAPASITI HARIAN PUSAT PPV MENGIKUT DAERAH

Daerah	KAPASITI HARIAN
Johor Bahru	28700
Muar	3000
Batu Pahat	6600
Kluang	1600
Segamat	4700
Kota Tinggi	1300
Mersing	2800
Pontian	7300
Kulai	5800
Tangkak	8200
JUMLAH	70000

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

PERLAKSANAAN VAKSINASI

1. Jabatan menerima pertanyaan mengenai tatacara pemberian temujanji yang kurang memuaskan, dari segi kelewatan masadan tidak mendapat temujanji segera
2. Untuk diberi temujanji PICK, seseorang perlu terlebih dahulu berdaftar dengan MySejahtera. Pemilihan tarikh temujanji bagi mereka yang divaksinasi (*vaccinee*), bergantung kepada status mereka mengikut kriteria fasa yang ditetapkan. Walaupun seseorang telah berdaftar pada peringkat awal lagi, beliau tidak akan mendapat temujanji awal sekiranya ia memenuhi kriteria fasa tiga.
3. Bagi fasa dua pula, pemilihan mereka di dalam fasa dua sebagai keutamaan bergantung rapat dengan situasi kesihatan semasa vaksin. Sistem MySejahtera mempunyai perkiraan sendiri bagaimana ianya akan dilaksanakan.
4. Secara kesimpulannya, objektif program PICK untuk mencapai imuniti berkelompok dijangka akan dapat dicapai pada penghujung bulan Oktober 2021. Tetapi ia perlu kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan pembekalan yang mencukupi dan konsisten serta erjasama masyarakat untuk memastikan mereka tampil ke hadapan untuk di beri vaksinasi. Pemimpin masyarakat perlu memainkan peranan di dalam mengenalpasti mereka yang tertinggal di dalam program ini dan membantu mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 31 (A177)

Isu Belia yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik ini adalah isu yang sangat besar dan menggusarkan hati banyak pihak. Apakah pelan jangka masa panjang kerajaan negeri dalam menangani isu belia yang hilang pekerjaan sepanjang Pandemik Covid-19 berlaku di negara kita.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

PANGKALAN DATA BELIA

Saya percaya pentingnya isu pengangguran belia ini kita tangani segera secara bersama-sama sama seperti kita sama menghadapi pandemic Covid-19. Dari segi jangka masa panjang, Kerajaan Negeri sedang dalam proses menubuhkan satu (1) pusat pangkalan data belia Negeri Johor. Terdapat lebih kurang 1.7 juta anak muda Johor setakat tahun 2020 berdasarkan anggaran daripada Jabatan Statistik Malaysia Peringkat Negeri Johor (DOSM Johor). Proses pembinaan pangkalan data belia Johor sedang melalui fasa persiapan sistem. Agensi yang bertanggungjawab dalam pangkalan data belia ini ialah Institut Dato' Onn, di mana sebanyak 700 ribu data belia telah berjaya dikumpulkan sepanjang fasa pengumpulan data yang telah dilaksanakan dari Disember tahun 2020. Pangkalan data belia ini diwujudkan untuk membekalkan maklumat komprehensif berkenaan belia kepada pembuat dasar negeri. Data belia ini akan digunakan untuk merangka perancangan agar pembangunan belia dapat disusun secara berperingkat dengan lebih teratur dan teliti. Data belia ini juga akan digunakan untuk menyalurkan inisiatif, bantuan dan latihan dengan kumpulan sasaran yang bertepatan. Sistem ini berfungsi untuk mengumpulkan, menyimpan, mengurus dan menganalisis data. Hal ini akan memberikan akses kepada kerajaan negeri untuk mencapai maklumat yang berkualiti saintifik untuk membuat perancangan dan merangka perubahan di sektor-sektor yang berkaitan.

Sistem ini akan memudahkan rakyat Johor khususnya kumpulan belia mengenal pasti peluang-peluang yang ada di Johor untuk mereka. Ianya akan menghubungkan belia kepada agensi-agensinya di bawah pentadbiran kerajaan negeri dan persekutuan untuk mendapatkan insentif-insentif serta latihan yang bersesuaian dengan profil belia tersebut. Ianya juga akan menghubungkan belia yang mendaftar dengan pihak industri bagi memudahkan proses pembinaan kerjaya. Pangkalan data belia Johor ini dijangka dilancarkan pada September 2021.

Daripada data itu, kita dapat mengesan belia yang menganggur banyaknya daripada sektor mana dan kita boleh membuat merancang keperluan seperti upskill dan reskill dan latihan yang diberikan juga akan lebih bersasar dan menepati sasaran.

Selain daripada itu, minat mereka juga dapat dipaparkan di dalam dashboard tersebut dan kita boleh merangka program-program atau latihan yang bersesuaian berdasarkan minat tersebut dan boleh dibangunkan mengikut daerah ataupun peringkat umur.

Saya yakin dengan adanya pembangunan data belia Johor ini akan memudahkan dan membantu Kerajaan Negeri merancang dasar dengan lebih strategic untuk para belia.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

PROGRAM LATIHAN ATAS TALIAN KEPADA USAHAWAN BELIA JOHOR

Adalah menjadi hasrat dan visi DYAM Tunku Mahkota Johor untuk membangunkan belia Johor supaya mereka menjadi modal insan yang berkebolehan dalam pelbagai aspek kehidupan dan menjadi pemimpin keluarga mereka pada masa hadapan. Syukur Alhamdulillah, melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 3.0 Ihsan Negeri Johor yang diumumkan oleh YAB Dato' Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, Kerajaan Negeri Johor akan melaksanakan program latihan dalam talian bagi usahawan belia negeri Johor. Program ini telah dirancang untuk membantu usahawan-usahawan muda Johor untuk mempelajari pengetahuan yang dapat mengembangkan kemahiran perniagaan mereka dan bangkit dari cabaran pandemik Covid-19. Fokus utama kerajaan negeri bagi program ini adalah untuk melatih dan membantu usahawan belia dan mereka yang berminat menjadi usahawan dalam mengembangkan perniagaan melalui pemasaran digital.

Latihan ini akan dilaksanakan secara dalam talian dengan kerjasama Team Momentum Internet yang diketuai oleh En Najib Assadok, pengasas Momentum Internet Sdn. Bhd, jurulatih dan perunding pemasaran digital dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor melalui Institut Dato' Onn (IDO), Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) dan Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB). Fasa kedua program pula dijangka akan dilaksanakan pada awal bulan September 2021. Program ini akan meliputi modul yang lebih menyeluruh, bimbingan penuh daripada tenaga pengajar kepada 1200 usahawan muda.

PROGRAM KERAJAAN PUSAT

A. PROGRAM SKIM PERANTISAN NASIONAL (SPN)

Kementerian Belia dan Sukan bersama PERKESO sedang menjalankan Program Skim Perantisan Nasional (SPN) di mana program ini memberi peluang kepada para belia mendapatkan pekerjaan. Skim Perantisan Nasional ini juga meringankan beban syarikat bagi membuat bayaran gaji melalui Program PENJANA dimana 60% gaji pokok akan dibiayai oleh kerajaan selama 6 bulan bagi setiap pekerja baru yang ditempatkan di dalam SPN. Melalui Sistem Perantisan, terdapat 135 jumlah kekosongan, 60 jawatan sudah diisi oleh pemohon dari Johor.

Melalui sistem *MyFutureJobs*, terdapat lebih 2,500 jawatan kosong di seluruh negeri Johor. Kini lebih 500 orang belia telah mendapat pekerjaan melalui program ini. SPN masih dipromosikan agar lebih ramai golongan belia mendapat pekerjaan.

Belia juga dilatih memiliki pelbagai kemahiran asas selain ilmu teori, supaya dapat menggunakan segala kemahiran dimiliki sebagai sumber pendapatan kelak. Penting juga belia digalakkan menyambung pengajian mereka di institusi latihan dan kemahiran termasuklah sekolah dan kolej vokasional, Pelbagai program yang ditawarkan menerusi berupaya memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan industri bagi meningkatkan ekonomi dan mencapai status negara maju serta berpendapatan tinggi. Program kemahiran reskilling dan upskilling adalah penting bagi penganggur meningkatkan kemahiran sedia ada dan kemahiran baharu. Penyediaan latihan kemahiran kepada kumpulan sasar yang terkesan akibat pandemik Covid-19 bertujuan memberi peluang kepada mereka mendapatkan skil set berdasarkan keperluan industri dan penawaran pekerjaan oleh industri terlibat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

Pelbagai program kemahiran dan peluang kerjaya juga dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri Swadaya Modal Insan, Educuity, IRDA seperti Program Gerak Kerjaya Johor, Program Latihan Kemahiran, Program Perantis Iskandar dan Johor Community Capacity Buiding dan Iskandar Employment Grant.

Program peningkatan kemahiran ini bertujuan memberi latihan kemahiran dan jaminan pekerjaan kepada belia supaya mereka mendapat kompetensi skil set berdasarkan keperluan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran dan penawaran pekerjaan kepada pelatih. Pelbagai bengkel, kursus jangka masa pendek dan sepenuh masa ditawarkan di Giat Mara, IKBN Bandar Penawar dan IKTBN Pagoh dan Felda.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 32 (A1)

Apakah tindakan kerajaan mengenai masalah capaian internet terputus dan bermasalah di kawasan Orang Asli Kampung Peta?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Kawasan perkampungan Orang Asli termasuk juga Kampung Peta telah pun diambil kira dalam perancangan penyediaan infrastruktur digital di bawah pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Sebuah menara telekomunikasi akan dibina di Kampung Peta dibawah projek JENDELA fasa 1 melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang kini masih dalam proses tender.
2. Sementara pembinaan menara baru masih dalam proses tender, stesen pemancar sedia ada di Taman Negara Peta juga sedang dalam proses naik taraf kepada perkhidmatan 4G dan menggantikan teknologi satelit VSAT yang kurang stabil dengan sambungan gentian optik bagi meningkatkan kualiti liputan internet mudah alih semasa.
3. Selain itu, projek naik taraf ini adalah sebagai persediaan dalam memastikan pembinaan menara baharu di Kampung Peta tersedia dengan sambungan gentian optik agar liputan internet mudah alih yang lebih pantas dan berkualiti dapat disediakan kepada penduduk Kampung Peta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 33 (A145)

Dalam situasi pandemik ini, kerajaan Johor telah menekankan untuk menjadikan Johor sebagai sumber bank makanan negara. DUN Bukit Pasir memiliki dua kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Apakah langkah kerajaan untuk memajukan TKPM bagi meningkatkan pengeluaran daging sebagai bahan makanan?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Secara umumnya, di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, terdapat 36 buah TKPM di seluruh negeri Johor dengan jumlah keluasan 3,829.725 hektar, dan terdapat juga 21 buah Ladang Satelit Nasional (LSN) yang telah dilengkapi dengan kandang dan infrastruktur berkaitan. Ianya berperanan dalam membangun dan meningkatkan aktiviti pengeluaran makanan ternakan di daerah-daerah Negeri Johor dan Malaysia amnya.

TKPM Lubuk Bakul dan Ulu Bakri merupakan dua TKPM di DUN Bukit Pasir khusus kepada aktiviti penternakan. Kedua-dua kawasan ini mempunyai keluasan 610.2 hektar dan diusahakan oleh 60 orang peserta. Pada masa ini, jumlah ternakan sedia ada yang diusahakan di kedua-dua TKPM adalah sebanyak 1,891 ekor lembu pedaging, 87 ekor kerbau, serta 520 ekor kambing dan bebiri. Di kawasan tersebut, sejumlah sembilan (9) buah Ladang Satelit Nasional dan pada masa ini, sejumlah lima (5) Ladang Satelit Nasional (LSN) telah diusahakan dan pihak Jabatan adalah dalam proses pemilihan peserta untuk memenuhi empat (4) LSN yang masih kosong. Pihak Jabatan menjalankan pemantauan aktiviti penternakan di TKPM secara berkala bagi memastikan fasiliti tersebut dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha.

Secara keseluruhannya, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.5 juta dalam Program Pembangunan Hab Pedaging Ruminan (Penjana) untuk membantu penternak meningkatkan kecekapan dalam pengurusan ladang, meningkatkan pengeluaran hasil ternakan dan seterusnya menambah pendapatan peserta. Bantuan-bantuan yang diperuntukkan untuk penternak termasuklah bantuan kemudahan asas penternakan lembu pedaging, program pembangunan makanan ternakan (Napier), dan peralatan pemprosesan makanan ternakan (mesin pembuat pellet & mesin perincih), pagar siklon dan tiang batu, serta juga membangunkan dan menaiktaraf rumah sembelihan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 34 (A131)

Apakah status pelantikan ketua masyarakat Cina kampung baru dan ketua masyarakat India negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 9 orang Ketua Masyarakat bagi kampung-kampung baru India di Negeri Johor (tidak disenaraikan oleh KPKT) telah dilantik bagi tempoh 15 Oktober 2020 hingga 14 Oktober 2021 berkuatkuasa pada 15 Oktober 2020 oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Ringkasan Mesyuarat Bil. 1168/2020, Kertas Bil. (2) bertarikh 21/10/2020.

Manakala bagi pelantikan Ketua Masyarakat bagi kampung-kampung baru Cina di Negeri Johor seramai 123 orang telah dibawa kepada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 November 2020, J/P&KT:(KT)194/B/2020 dan telah mengambil keputusan seperti di bawah;

“Bersetuju supaya kertas kerja ini **DITARIKBALIK**”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Masyarakat Kampung-Kampung Baru Cina ini juga telah dibawa ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 28 April 2021 dan telah menimbang kertas J/P&KT:(KT)53/B/2020 telah mengambil keputusan seperti di bawah;

“Bersetuju supaya kertas kerja ini **DITANGGUH**”

Taburan bilangan Ketua Masyarakat Kampung-Kampung Baru Cina bagi setiap daerah di negeri Johor adalah sebagaimana berikut;

**KOMPOSISI KETUA MASYARAKAT KAMPUNG-KAMPUNG BARU
(CINA) MENGIKUT DAERAH DI NEGRI JOHOR**

BIL.	DAERAH	JUMLAH KAMPUNG BARU	PENGISIAN
1	JOHOR BAHRU	14	0
2	MUAR	13	0
3	BATU PAHAT	20	0
4	SEGAMAT	16	0
5	KLUANG	18	0
6	PONTIAN	6	0
7	KOTA TINGGI	6	0

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

8	MERSING	4	0
9	TANGKAK	17	0
10	KULAI	9	0
JUMLAH		123	0

Kadar elaun Ketua Masyarakat Kampung-Kampung Baru Cina yang diperuntukan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah sebagaimana berikut;

JENIS ELAUN	KADAR ELAUN (RM)
PENGERUSI	RM500.00 sebulan
SETIAUSAHA	RM300.00 sebulan
PENGENDALIAN MESYUARAT	RM100.00 sehingga maksima 6 kali setahun
KEHADIRAN MESYUARAT (11 orang ahli sahaja)	RM50.00 seorang sehingga maksima 6 kali setahun

Melalui emel bertarikh 16/07/2021 daripada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dimaklumkan bahawa pihak JKT telah diarahkan untuk menyerahkan kembali peruntukan yang tidak digunakan kepada pihak MOF kerana tiada pelantikan Ketua Masyarakat yang dilaksanakan sehingga 30 April 2021.

Tempoh pelantikan Ketua Masyarakat perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan Mei (tahun semasa). Walau bagaimanapun, tiada pelantikan dilaksanakan, kerajaan Persekutuan telah menarik balik peruntukan ini bagi disalurkan kepada kementerian / agensi lain yang lebih memerlukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 35 (A156)

Apakah usaha terkini yang telah dilakukan oleh Ketua Masyarakat untuk membantu melawan keadaan pandemik Covid-19?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah melantik seramai 9 orang Ketua Masyarakat India bagi sesi 2020/2022 mewakili kampung-kampung baru bagi daerah-daerah berikut :

Bil	Daerah	Nama Kampung	Bilangan Ketua Masyarakat
1.	Johor Bahru	1. Kg. Kangkar Tebrau 2. Kg. India Kempas	2
2.	Kluang	1. Kg. Sri Lalang 2. Kg. Sembrong	2
3.	Segamat	1. Kg. Muhibbah, Chaah 2. Taman Desa India Batu Anam 3. Kg. Buloh Kasap 4. Kg. Pogoh	4
4.	Tangkak	1. Kg. Payamas / Baru Sagil	1
	Jumlah		9

Elaun Ketua Masyarakat bagi Kampung-Kampung Baru India adalah sebanyak RM900.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Ratus Sahaja) yang diperuntukkan di bawah peruntukan jabatan menggunakan peruntukan Negeri sepenuhnya.

Dalam usaha mengekang penularan wabak Covid 19, Ketua Masyarakat juga telah memainkan peranan dalam usaha memastikan komuniti sentiasa cakna dan terus bersemangat melawan pandemik ini. Tugas Ketua Masyarakat merangkumi pengurusan dalam menangani pandemik Covid-19 yang melibatkan kes tempatan, penyelarasan bantuan dan program vaksinasi.

Ketua Masyarakat bertindak sebagai agen di dalam komuniti untuk memberi hebahan dan maklumat yang penting berkaitan Covid-19 dan menjadi pegawai yang bertanggungjawab melaporkan sekiranya terdapat kes penularan jangkitan Covid-19 di dalam komuniti. Mereka bertindak sebagai penyelarasan bantuan dan pemudahcara diperingkat komuniti bagi pengagihan bantuan kepada penduduk yang terkesan akibat pandemik covid-19. Ia melibatkan bantuan daripada kerajaan negeri dan persekutuan, NGO dan lain-lain sumber.

Ketua Masyarakat juga bersama-sama jabatan dan agensi mengenalpasti penduduk yang belum mendaftar vaksinasi termasuk membantu penduduk yang mempunyai masalah untuk mendapatkan vaksin bagi meningkatkan jumlah pendaftaran vaksinasi bagi daerah yang diwakili.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 36 (A209)

Sila nyatakan bantuan kebajikan, kewangan dan tindakan kerajaan negeri sehingga kini untuk memastikan sokongan psikososial, pemulihan dan intervensi memastikan kesihatan mental kepada ahli-ahli keluarga serta anak-anak yang kematian ahli keluarga akibat COVID-19.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 37 (A168)

Minta nyatakan peranan agensi Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat yang mengalami masalah kesihatan mental atau tekanan perasaan ketika menghadapi situasi pandemik Covid-19.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

(Jawapan bersekali untuk soalan A209 & A168)

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah telah menyantuni masyarakat yang terjejas akibat Covid-19 dengan pemberian bakul makanan yang mengandungi makanan asas untuk keperluan harian. Bantuan bakul makanan ini telah mula diagihkan pada bulan April 2020 dan bantuan ini masih lagi diteruskan memandangkan ianya merupakan bantuan asas yang diperlukan oleh keluarga yang terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara.

Sejak April 2020 sehingga 3 Ogos 2021 sebanyak 102,557 bakul makanan telah diagihkan kepada keluarga yang terputus bekalan makanan asas mahupun keluarga yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Yang mana 51,727 bakul makanan diberikan kepada klien penerima bantuan bulanan JKM dan 50,830 kepada orang awam.

Kaunselor JKM juga telah membuat intervensi sokongan psikologi kepada mereka yang terlibat dengan pandemik Covid-19 sama ada secara bersemuka atau melalui tele kaunseling. Pada tahun 2020 seramai 595 individu telah disantuni meliputi 178 orang kes yang positif Covid-19, individu yang telah diarahkan kuarantin dan waris pesakit Covid-19, 69 orang petugas JKM dan 348 kes komuniti.

Manakala pada Tahun 2021 sehingga Jun seramai 880 orang telah diberikan intervensi meliputi 10 orang kes yang positif Covid-19, individu yang telah diarahkan kuarantin dan waris pesakit Covid-19, 88 orang petugas JKM dan 777 kes komuniti yang terlibat dengan pandemik ini telah disantuni. Melalui intervensi ini, masalah kesihatan mental yang dialami dapat didiagnos disamping berpeluang menyatakan keperluan bantuan lain yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan mereka dengan sejahtera.

Selain itu, Kaunselor JKM Negeri Johor juga menjalankan ujian psikologi kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk mengenalpasti tahap kesihatan mental serta isu-isu lain seperti personaliti, tahap tekanan, gaya keibupaan, hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Ujian ini bertujuan menilai tahap dan keadaan mental, emosi dan tingkahlaku klien supaya kaunselor dapat merancang intervensi yang diberikan dengan lebih baik dan efektif. Jumlah ujian yang telah dijalankan adalah sebanyak 2,050 ujian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

Selain itu, kaunselor JKM Negeri Johor juga telah melaksanakan program-program psikologi secara online mahupun bersemuka bagi membantu isu-isu yang berkait dengan masyarakat merangkumi aspek kesihatan mental, pengurusan diri, keluarga dan masyarakat secara umumnya sepanjang tempoh pandemik covid-19 ini. Sepanjang tahun 2020 dan sehingga Jun 2021 sebanyak 166 program telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 12,300 orang peserta.

Selain daripada Jabatan Kebajikan Malaysia, YPKDT melalui Unit Kaunseling & Motivasi turut menyediakan khidmat kaunseling sebagai sokongan moral kepada individu terjejas termasuklah waris pesakit covid-19. Melalui program ini kaunselor dan pegawai rundingcara YPKDT di daerah akan memberi sokongan moral dan khidmat nasihat secara individu sama ada secara semuka atau atas talian secara percuma. Bagi tahun 2021, sehingga Ogos 2021 495 kes telah diterima. Dari 495 kes, 176 kes berkaitan perkahwinan dan keluarga manakala 319 kes berkaitan kesihatan mental.

YPKDT juga akan menyediakan program sokongan moral secara berkelompok disamping webinar kesihatan mental secara percuma melalui inisiatif Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling di bawah bajet PRE Ihsan Johor 3.0 dengan kerjasama pelbagai agensi.

YPKDT melalui Bajet PRE Ihsan Johor 3.0 di bawah Sektor Masyarakat dan Modal Insan telah mewujudkan pelbagai inisiatif bagi Program Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling untuk masyarakat Negeri Johor iaitu:

Pertama, mewujudkan perkhidmatan kaunseling atas talian secara percuma bagi melaksanakan perkhidmatan ini selaras dengan perkembangan teknologi terkini agar penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tanpa halangan disebabkan pandemik. Perkhidmatan ini akan dipromosi secara meluas ke semua agensi

Kedua, pengaktifan **talian hotline** kepada mana-mana individu yang ingin mendapatkan khidmat nasihat atau membuat temujanji kaunseling. Talian ini beroperasi dari **jam 8.00 pagi – 10.00 malam**. Orang awam boleh menghubungi atau aplikasi whatsapp di talian **0162700017**.

Ketiga, menganjurkan webinar / bengkel / perkongsian ke arah kesihatan mental dan kaunseling secara percuma yang akan dilaksanakan berkala sama ada secara live ataupun rakaman dengan melibatkan pakar-pakar atau selebriti yang berkaitan.

Keempat, YPKDT merangka untuk mewujudkan Klinik Kaunseling yang akan beroperasi 7 hari seminggu dengan waktu operasi dari jam 8.00 pagi – 10.00 malam. Klinik kaunseling di daerah akan diwujudkan di 4 daerah daerah iaitu di Johor Bahru, Pontian, Kluang dan Segamat. Bagi daerah selain 4 daerah ini perkhidmatan kaunseling dijalankan mengikut waktu pejabat (Ahad – Khamis dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang). Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah turun membuat tinjauan kerja serta persiapan Klinik Kaunseling YPKDT di Daerah Segamat pada 1 Ogos 2021 yang lalu.

Kelima, Menyediakan Mobile Team dengan menyediakan van khas yang akan digunakan bagi mempromosi perkhidmatan kaunseling terutama di Kawasan luar bandar disamping mempromosi perkhidmatan kaunseling kepada penduduk luar bandar yang mempunyai akses yang terhad dalam mendapatkan perkhidmatan ini secara semuka mahupun atas talian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

Keenam, mewujudkan kumpulan sokongan kepada mereka yang berjauhan dengan ahli keluarga seperti pelajar IPTA & IPTS yang terkandas di kampus atau individu yang tidak dapat pulang ke kampung halaman disebabkan pandemik. Bekerjasama dengan pelbagai agensi dan NGO bagi mengenalpasti individu / keluarga yang memerlukan sokongan moral.

Dan akhir sekali, membangunkan aplikasi perkhidmatan kaunseling yang lebih interaktif dan informatif dalam membuat penilaian sendiri melalui ujian psikologi secara percuma untuk rakyat Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 38 (A11)

YB Exco Kesihatan pernah menyatakan bahawa program Kad Sihat Johor akan diteruskan pada tahun 2021 tetapi sehingga kini penerima kad tersebut masih tidak boleh menggunakannya. Apakah kedudukan dan pendirian sebenar kerajaan Negeri mengenai perlanjutan program tersebut ?

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 39 (A40)

Adakah Kad Sihat Johor dan Kad Takaful Warga Emas Johor masih boleh digunakan lagi?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 40 (A152)

Apakah perkembangan terkini untuk kad sihat Johor?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

(Jawapan bersekali untuk soalan A11, A40 & A152)

Program Kad Sihat Johor dalam proses penjenamaan baru untuk lebih memastikan golongan sasaran (B40) dapat memanfaatkan faedah-faedah perubatan di klinik-klinik swasta (panel) yang akan dilantik.

Program Kad Sihat Johor setakat ini belum boleh diguna pakai sehingga pihak kerajaan negeri memaklumkan berkenaan penjenamaan semula kelak yang akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor.

Pihak kerajaan negeri kini lebih memfokuskan matlamat untuk membendung penularan wabak COVID-19 di negeri Johor yang semakin membimbangkan dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0.

Pihak Kerajaan Negeri juga akan memastikan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0. akan terus memberi manfaat kepada rakyat dan boleh mengurangkan penularan wabak COVID-19

Pihak Kerajaan Negeri akan memastikan program-kad Sihat Johor yang membawa manfaat kepada rakyat johor akan di teruskan pada masa akan datang bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 41 (A20)

Apakah rancangan untuk memulihkan ekonomi PKS (Peniaga Kecil dan Sederhana) bagi rakyat Johor yang terkesan akibat kepincangan ekonomi yang kian berterusan.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Sejak Februari 2020, pelbagai langkah telah dibuat oleh Kerajaan Peringkat Persekutuan mahupun Negeri Johor bagi membantu PKS menangani kesan krisis pandemik COVID-19. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai bentuk bantuan serta langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan di peringkat persekutuan menerusi beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi iaitu PRA 2020, PRIHATIN, PRIHATIN SME, PENJANA, Kita PRIHATIN, Belanjawan 2021, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Plus dan PEMULIH.

Tidak terkecuali Kerajaan Negeri Johor, beberapa langkah serta tindakan proaktif telah diambil atau dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan pelancaran beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor bagi membantu golongan usahawan mahupun penjaja kecil yang terkesan. Keprihatinan kerajaan negeri terhadap permasalahan yang dihadapi oleh para usahawan di negeri ini telah dizahirkan dengan memperuntukkan agenda Johor Niaga sebagai salah satu agenda penting dalam Belanjawan Johor 2021 sepertimana yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar pada sidang belanjawan tahun lalu. Menerusi agenda Johor Niaga, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan daya saing serta daya tahan para usahawan negeri ini dan seterusnya memperkasakan sektor keusahawan negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)

SOALAN 42 (A25)

Sebanyak 3321 lot tapak rumah Gen2 Felda DUN Sedili telah diluluskan dan telah dibayar kepada Kerajaan Negeri dengan jumlah bayaran premium sebanyak RM16juta. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pembangunan infrastruktur kepada tanah-tanah lot tapak rumah Gen2 Felda dalam DUN Sedili?

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)

SOALAN 43 (A79)

FELDA - Mohon kemudahan infra bagi perumahan Generasi Kedua Felda Lok Heng. Mohon pantau penjualan nombor ekor di Felda Pasak, Felda Air Tawar 3 dan Felda Gugusan Lok Heng.

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Berkenaan dengan permohonan kemudahan infra bagi perumahan Generasi kedua FELDA Lok Heng sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Lama dan juga FELDA di dalam DUN Sedili sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sedili, sehingga kini FELDA tiada peruntukan khas penyediaan infrastruktur bagi program pemberian lot yang bukan dari skim pembangunan FELDA.

Pihak FELDA berpendirian bahawa pemberian lot Generasi Kedua FELDA ini perlu kepada pembatalan status Akta GSA. Ini selaras dengan peruntukan seksyen 44 (1) Akta GSA yang memperuntukan sebarang pembangunan tanah selain daripada tujuan yang dinyatakan di dalam Akta GSA 1960 dan yang dinyatakan di dalam perjanjian antara Pihak Berkuasa Negeri dan FELDA hendaklah dibatalkan status Akta GSA tersebut. Ini juga adalah selaras dengan seksyen 15(1) Akta GSA 1960 yang tidak membenarkan kepada pemecahan sempadan. Dengan pembatalan Akta GSA, atau dikeluarkan daripada pewartaan kawasan Felda, ini seterusnya akan membuka ruang kepada pembangunan dan penyediaan infrastruktur di kawasan lot Generasi Kedua ini melalui agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Di samping itu, lot yang telah dibatalkan Akta GSA ini akan membuka ruang bagi pemilik untuk membangunkan lot tersebut melalui agensi kewangan dengan cara pinjaman dan cagaran kerana tidak lagi terikat dengan peraturan di dalam akta GSA. Untuk makluman juga, FELDA kini menanggung sementara pengurusan permohonan lot generasi kedua bagi membolehkan satu polisi baru yang ditambah baik berkenaan permohonan lot generasi kedua ini dapat dimuktamadkan.

Bagi isu penjualan nombor ekor sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Lama, pihak rancangan yang berkenaan iaitu FELDA Pasak, FELDA Air Tawar 3 dan FELDA Lok Heng Timur telah memaklumkan perkara ini kepada pihak polis. Status terkini adalah dalam tindakan susulan daripada pihak polis untuk siasatan dan tindakan selanjutnya. Pemantauan bersama badan-badan di rancangan akan dilaksanakan bagi membasmi aktiviti tidak bermoral ini.

Sehingga kini, terdapat 4 buah kedai menjual nombor ekor secara haram beroperasi masing-masing satu di FELDA Lok Heng Timur dan FELDA Pasak manakala dua lagi di FELDA Air Tawar 3. Tiada kedai nombor ekor berlesen dilaporkan beroperasi di semua rancangan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 44 (A24)

Bagaimanakah dana khas kaum India dibelanjakan?. Sila beri penjelasan terperinci.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sejumlah RM3.5 juta untuk Yayasan Sultanah Fatimah bagi tujuan menjalankan pelbagai program pembangunan yang akan dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri ini.

Untuk rekod, pada tahun 2020, sejumlah RM3.5 juta telah pun disalurkan dan pada tahun 2021, sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan bagi tujuan sama.

Daripada peruntukan tersebut, empat (4) fokus utama telah pun digariskan untuk pembangunan masyarakat Cina di Johor, iaitu bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kebajikan.

Bagi memastikan peruntukan yang diberikan dapat membantu dan memperkasakan golongan kurang berkemampuan daripada kalangan masyarakat Cina di negeri ini, Pusat Ekonomi Digital Johor (JDEC) telah ditubuhkan pada tahun 2020.

Secara tidak langsung, JDEC berupaya untuk membantu usahawan muda, khususnya masyarakat Cina dalam program berkaitan digital, lebih-lebih lagi ketika kita sedang menghadapi pasca Covid-19 kini.

Untuk makluman, JDEC telah mengadakan sesi urus libat dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Telekom Malaysia (TM), Hua Wei Malaysia, PUJB, Persatuan-Persatuan Peniaga Kecil dan sederhana, Dewan Perniagaan dan lain-lain.

Untuk permulaan, seramai 2,000 belia disasarkan akan terlibat dengan program digital JDEC ini. Peserta akan diberikan latihan, bimbingan dan bantuan secara berterusan.

Menerusi inisiatif ini diharapkan agar Yayasan Sultanah Fatimah akan terus berkembang dan mencapai potensi dalam bergerak seiring merealisasikan Pelan Digital Johor.

Seiring dengan pendekatan digital pada masa kini, Yayasan Sultanah Fatimah turut mengambil inisiatif mendedahkan golongan peniaga di Johor untuk memasarkan produk mereka di platform digital seperti Shopee dan Lazada menerusi penganjuran kursus-kursus berkaitan, iaitu kursus siaran langsung, selain kursus *Reskilling* dan *Upskilling* seperti program *Key Opinion Leader* (KOL) kepada orang awam,

Untuk makluman, RM1 juta telah pun dibelanjakan oleh Yayasan Sultanah Fatimah pada tahun 2020 bagi kerja-kerja baik pulih 10 buah bangunan Sekolah Menengah Cina Persendirian.

Bantuan bernilai RM1 juta turut diberikan kepada Persatuan Agama dan kebajikan.

Tidak terhenti di situ, pelbagai program telah pun dirancang oleh Yayasan Sultanah Fatimah, namun berikutan penularan wabak Covid-19 pada hari ini, program-program dirancang terpaksa ditangguhkan dahulu. Ini termasuk, Program Penggunaan Aplikasi & Program Digital

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

“Api-Api, Program Insuran Penyayang, Digital Village Bangsa Johor, Program membantu Warga Hilang Kerja dan Bantuan Pendidikan bagi Pelajar-Pelajar Negeri Johor.

Manakala bagi menjawab soalan **Yang Berhormat** berkaitan Yayasan Sultanah Rogayah, ingin saya jelaskan bahawa pada tahun 2020, sejumlah RM4.2 juta telah pun dibelanjakan melalui permohonan-permohonan terus bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan sekolah dan pelaksanaan aktiviti Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, peruntukan ini diuruskan oleh Pejabat Menteri Besar Johor.

Pemberian bantuan turut diperluaskan kepada NGO India dan lain-lain bantuan kebajikan dan keusahawanan.

Pada tahun 2021, Yayasan Sultanah Rogayah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Peruntukan Masyarakat India Negeri Johor. Program ini terdiri daripada tiga (3) inisiatif serta bantuan, iaitu Bantuan Kebajikan, Bantuan Pendidikan dan Bantuan Keusahawanan.

Bagi tujuan ini, sebanyak 9,642 borang permohonan telah diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak 1,351 borang permohonan telah diproses untuk kelulusan, iaitu 827 borang bantuan kebajikan, 332 borang bantuan pendidikan dan 315 borang bantuan keusahawanan.

Peruntukan Fasa 2 akan dituntut sebaik sahaja peruntukan Fasa 1 sebanyak RM2 juta habis dibelanja dan dilaporkan kepada Pejabat Menteri Besar Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 45 (A127)

Apakah status penggunaan Peruntukan Masyarakat Cina dan Peruntukan Masyarakat India kerajaan negeri kepada Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah pada tahun 2020 dan 2021?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sejumlah RM3.5 juta untuk Yayasan Sultanah Fatimah bagi tujuan menjalankan pelbagai program pembangunan yang akan dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri ini.

Untuk rekod, pada tahun 2020, sejumlah RM3.5 juta telah pun disalurkan dan pada tahun 2021, sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan bagi tujuan sama.

Daripada peruntukan tersebut, empat (4) fokus utama telah pun digariskan untuk pembangunan masyarakat Cina di Johor, iaitu bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kebajikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memastikan peruntukan yang diberikan dapat membantu dan memperkasakan golongan kurang berkemampuan daripada kalangan masyarakat Cina di negeri ini, Pusat Ekonomi Digital Johor (JDEC) telah ditubuhkan pada tahun 2020.

Secara tidak langsung, JDEC berupaya untuk membantu usahawan muda, khususnya masyarakat Cina dalam program berkaitan digital, lebih-lebih lagi ketika kita sedang menghadapi pasca Covid-19 kini.

Untuk makluman, JDEC telah mengadakan sesi urus libat dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Telekom Malaysia (TM), Hua Wei Malaysia, PUJB, Persatuan-Persatuan Peniaga Kecil dan sederhana, Dewan Perniagaan dan lain-lain.

Untuk permulaan, seramai 2,000 belia disasarkan akan terlibat dengan program digital JDEC ini. Peserta akan diberikan latihan, bimbingan dan bantuan secara berterusan.

Menerusi inisiatif ini diharapkan agar Yayasan Sultanah Fatimah akan terus berkembang dan mencapai potensi dalam bergerak seiring merealisasikan Pelan Digital Johor.

Seiring dengan pendekatan digital pada masa kini, Yayasan Sultanah Fatimah turut mengambil inisiatif mendedahkan golongan peniaga di Johor untuk memasarkan produk mereka di platform digital seperti Shopee dan Lazada menerusi penganjuran kursus-kursus berkaitan, iaitu kursus siaran langsung, selain kursus *Reskilling* dan *Upskilling* seperti program *Key Opinion Leader* (KOL) kepada orang awam,

Untuk makluman, RM1 juta telah pun dibelanjakan oleh Yayasan Sultanah Fatimah pada tahun 2020 bagi kerja-kerja baik pulih 10 buah bangunan Sekolah Menengah Cina Persendirian.

Bantuan bernilai RM1 juta turut diberikan kepada Persatuan Agama dan kebajikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

Tidak terhenti di situ, pelbagai program telah pun dirancang oleh Yayasan Sultanah Fatimah, namun berikutan penularan wabak Covid-19 pada hari ini, program-program dirancang terpaksa ditangguhkan dahulu. Ini termasuk, Program Penggunaan Aplikasi & Program Digital "Api-Api, Program Insuran Penyayang, Digital Village Bangsa Johor, Program membantu Warga Hilang Kerja dan Bantuan Pendidikan bagi Pelajar-Pelajar Negeri Johor.

Manakala bagi menjawab soalan **Yang Berhormat** berkaitan Yayasan Sultanah Rogayah, ingin saya jelaskan bahawa pada tahun 2020, sejumlah RM4.2 juta telah pun dibelanjakan melalui permohonan-permohonan terus bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan sekolah dan pelaksanaan aktiviti Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, peruntukan ini diuruskan oleh Pejabat Menteri Besar Johor.

Pemberian bantuan turut diperluaskan kepada NGO India dan lain-lain bantuan kebajikan dan keusahawanan.

Pada tahun 2021, Yayasan Sultanah Rogayah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Peruntukan Masyarakat India Negeri Johor. Program ini terdiri daripada tiga (3) inisiatif serta bantuan, iaitu Bantuan Kebajikan, Bantuan Pendidikan dan Bantuan Keusahawanan.

Bagi tujuan ini, sebanyak 9,642 borang permohonan telah diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak 1,351 borang permohonan telah diproses untuk kelulusan, iaitu 827 borang bantuan kebajikan, 332 borang bantuan pendidikan dan 315 borang bantuan keusahawanan.

Peruntukan Fasa 2 akan dituntut sebaik sahaja peruntukan Fasa 1 sebanyak RM2 juta habis dibelanja dan dilaporkan kepada Pejabat Menteri Besar Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 46 (A158)

Adakah kerajaan mempunyai sistem integrasi atau sistem pangkalan pusat yang sama untuk menyelenggara sistem parkir kereta untuk setiap PBT di Johor ?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pengurusan tempat letak kereta (TLK) meliputi beberapa kaedah dan sistem iaitu pembayaran, penguatkuasaan dan pemantauan. Pada 9 Ogos 2000, kerajaan negeri telah meluluskan cadangan penswastaaan pengurusan sistem TLK di seluruh negeri Johor dan bersetuju supaya diseragamkan sistem TLK di seluruh negeri Johor, dikaji kesesuaian melantik dua (2) atau (3) syarikat untuk mengambil alih pengurusan TLK daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Johor.

Kerajaan negeri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) pada 2 Julai 2014 sebagaimana R/B Bil: 1619/2014 telah mengambil keputusan antaranya seperti berikut:

- (i) Bersetuju pengurusan TLK di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai diproses secara tender dan dikenali sebagai PBT Zon Iskandar Malaysia.
- (ii) Bersetuju konsep pengurusan TLK bagi empat (4) PBT di atas melalui proses tender adalah secara **Bayar dan Pamer (Pay and Display)**.
- (iii) Bersetuju sebelas (11) PBT yang lain sebagaimana di bawah, akan menjalankan pengurusan TLK sendiri:
 - a) Majlis Perbandaran Muar
 - b) Majlis Perbandaran Batu Pahat
 - c) Majlis Perbandaran Pontian
 - d) Majlis Daerah Segamat
 - e) Majlis Daerah Yong Peng
 - f) Majlis Daerah Tangkak
 - g) Majlis Daerah Labis
 - h) Majlis Perbandaran Kluang
 - i) Majlis Daerah Kota Tinggi
 - j) Majlis Daerah Simpang Renggam
 - k) Majlis Daerah Mersing

Selaras dengan keputusan MMK pada 2 Julai 2014 dan sehingga kini, kerajaan negeri masih belum memutuskan untuk melaksanakan sistem integrasi atau sistem pangkalan pusat yang sama untuk menyelenggara sistem parkir kereta untuk setiap PBT di negeri Johor.

Namun begitu, terdapat beberapa cadangan untuk mengendalikan operasi TLK di seluruh negeri Johor melalui sistem secara menyeluruh dan berpusat dikemukakan oleh syarikat yang berminat kepada kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

Walau bagaimanapun, cadangan tersebut masih dalam peringkat pertimbangan dan kajian supaya sistem yang akan diimplimentasikan tersebut hendaklah lebih efisien, ekonomik, berteknologi tinggi, menjimatkan kos kepada PBT dan mesra pengguna. Penyelarasan sistem parkir perlu diberi perhatian kerana pihak PBT telah membuat pelaburan dalam melaksanakan sistem parkir sedia ada di kawasan masing-masing.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 47 (A78)

Wujudkan konsortium khas bagi golongan peniaga yang terkesan untuk kita bantu bangkitkan semula perniagaan dengan bantuan modal, pemasaran, khidmat nasihat dan sebagainya.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Johor Lama mengenai cadangan mewujudkan konsortium khas bagi golongan peniaga yang terkesan untuk kita bantu bangkitkan semula perniagaan dengan bantuan modal, pemasaran, khidmat nasihat dan sebagainya.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri menerusi Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) telah sentiasa peka dan prihatin terhadap nasib golongan usahawan yang terkesan terutamanya dalam tempoh masa Pandemik COVID19 ini. PUJB sebagai agensi utama sektor keusahawanan di negeri sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab dalam membantu dan memperkasa usahawan di negeri ini dan ianya merangkumi semua peringkat umur.

PUJB juga berperanan sebagai sekretariat kepada Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ) yang terdiri daripada 53 jabatan-jabatan mahupun agensi-agensi yang berkaitan sektor keusahawanan. Sehingga kini, MPUNJ yang diterajui oleh PUJB telah berjaya memainkan peranan bagi membantu, membimbing dan seterusnya memperkasa golongan usahawan di negeri Johor.

Pandangan serta cadangan Yang Berhormat Johor Lama saya hargai dan ambil perhatian bagi usaha penambahbaikan perkhidmatan agar lebih efisien.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 48 (A49)

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi mengatasi capaian internet yang rendah di luar bandar dan ketidakmampuan pelajar membeli peranti atau tab dalam proses PDPR?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Bagi mengatasi masalah capaian internet yang rendah terutamanya di kawasan luar bandar, pihak kerajaan melalui Kementerian dan agensi-agensi berkaitan telah pun bekerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan komunikasi utama untuk membangunkan sebuah pelan infrastruktur digital secara menyeluruh yang dikenali sebagai pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA).
2. Pihak kerajaan Negeri Johor memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya terhadap pelaksanaan JENDELA di Negeri Johor. 3 daripada 4 kertas kerja dibawah JENDELA yang dibawa oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Bahagian Kerajaan Tempatan telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan Negeri Johor pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Johor 28 Julai yang lalu bagi memastikan JENDELA dapat dilaksanakan dengan lancar dan segera demi kepentingan Bangsa Johor.
3. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor (PRE 3.0) telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 10 Jun 2021 yang lalu. Kerajaan Johor memperuntukkan sebanyak RM126.86 juta untuk pemberian sekali beri (*one-off*) kepada rakyat negeri ini yang terjejas dengan pandemik Covid-19 termasuk golongan M40. Antara inisiatif yang akan di laksanakan adalah bantuan sumbangan peranti kepada sekolah seluruh Negeri Johor. Peranti ini akan dijadikan aset sekolah dan kemudahan ini akan dipinjamkan kepada seramai 8000 pelajar yang kurang berkemampuan. Inisiatif ini termasuk membekalkan 8000 *pocket wifi* dengan talian Internet Broadband khas untuk kegunaan pelajar yang bakal menduduki SPM pada tahun 2022 yang juga diserahkan kepada pihak sekolah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 49 (A80)

Mohon PERHILITAN lebih celik dan proaktif untuk mengatasi masalah serangan gajah khususnya di kawasan FELDA. Serangan demi serangan ke atas ladang sawit telah menyebabkan kerugian berjuta ringgit.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Untuk makluman YB Johor Lama, populasi gajah liar di seluruh negeri Johor dianggarkan 120-160 ekor yang melibatkan lima (5) ID, iaitu :-

1. ID Panti (30-40 ekor)
2. ID Taman Negeri (40-45 ekor)
3. ID Tenggara (25-30 ekor)
4. ID Jamaluan (20-30 ekor)
5. ID Labis (5-15 ekor)

Sepanjang lima (5) tahun (2017-2020), berdasarkan rekod jabatan terdapat 403 aduan konflik gajah, semua aduan ini telah diambil tindakan oleh jabatan termasuk aktiviti tangkap pindah, tembak halau dan pemantauan. Dalam tempoh lima (5) tahun ini, jabatan PERHILITAN telah berjaya menangkap dan memindahkan empat puluh satu (41) ekor gajah. Jabatan PERHILITAN telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM2.46 juta untuk operasi tangkap pindah, dimana setiap operasi memerlukan peruntukkan RM60,000.00 untuk seekor gajah.

Kawasan ladang-ladang yang berhampiran dengan hutan simpan, pihak Jabatan PERHILITAN telah memasang dan membina sistem pagar elektrik di tiga (3) kawasan iaitu di Kampong Tenang, Segamat (sejauh 21 km), Kg Seri Lukut, Kluang (sejauh 17 km) dan Kg Mawai, Kota Tinggi (sejauh 18 km). Bagi membina ketiga-tiga pagar elektrik ini jabatan PERHILITAN telah mengeluarkan peruntukkan sebanyak RM2.8 juta.

Jabatan PERHILITAN memang memberi perhatian yang serius ke atas gangguan gajah yang berlaku di negeri Johor. Sehubungan itu beberapa langkah sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang telah dan akan terus dijalankan bagi mengurangkan impak gangguan gajah ini.

Bagi mengurangkan dan sebolehnya menyelesaikan konflik gajah yang berlaku di Negeri Johor pihak Jabatan PERHILITAN telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Jabatan PERHILITAN telah menyediakan peruntukkan untuk kakitangan bagi menjalankan kerja-kerja rondaan, pemantauan dan tembak halau di kawasan *hotspot* berlakunya konflik gajah yang melibatkan ladang-ladang FELDA, FELCRA serta ladang persendirian.
2. Sistem pagar elektrik di tiga (3) kawasan iaitu di Kampong Tenang, Segamat, Kg Seri Lukut, Kluang dan Kg Mawai, Kota Tinggi, jabatan PERHILITAN telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM300,000.00 untuk kos penyelenggaraan setiap tahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

- 3 Mengadakan program kesedaran awam menerusi sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat yang bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman penduduk dalam pengurusan konflik manusia-gajah dan kaedah pengurusan kebun yang betul terutama bagi kawasan yang bersempadan dengan kawasan hutan;
- 4 Pihak PERHILITAN telah memasang tiga (3) unit kolar satelit gajah bagi memantau pergerakan kumpulan gajah yang sering menimbulkan konflik di dalam Negeri Johor.
- 5 Pihak Jabatan PERHILITAN telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak YB Johor Lama yang turut disertai oleh pihak ladang dan Pejabat Tanah. Satu kaedah mitigasi sementara telah dirancang dan akan dilaksanakan bersama dengan pihak ladang dalam masa terdekat.
- 6 Pihak Jabatan PERHILITAN sering memberikan khidmat nasihat teknikal terutamanya kaedah mitigasi terbaik mengawal serangan gajah kepada ladang-ladang yang berisiko kepada ancaman serangan gajah ini.

Disamping itu juga, Tindakan lain yang akan diambil dan dalam perancangan pihak Jabatan PERHILITAN bagi mengurangkan gangguan konflik gajah di kampung tersebut dan kawasan sekitarnya seperti:

- i. Jabatan PERHILITAN dalam usaha mengenalpasti kebun dan ladang yang berisiko di serang oleh gajah. Tindakan seterusnya adalah mewujudkan satu Jawatankuasa Teknikal yang akan melibatkan pemilik kebun dan ladang yang berkaitan bagi menyelaraskan dan memantau tindakan yang akan diambil. Selain itu juga Jawatankuasa Teknikal ini akan menjadi satu pusat perkongsian data dan maklumat berhubung kaedah terbaik mitigasi konflik manusia-gajah ini.
- ii. Menambah bilangan kolar satelit sebanyak lima (5) unit pada tahun ini sebagai Sistem Amaran Awal pergerakan gajah bagi membolehkan tindakan proaktif diambil oleh pihak jabatan; dan
- iii. Pemantauan berterusan ke atas populasi gajah yang berkenaan dan operasi tangkapan akan dijalankan jika terdapatnya keperluan.

Sebagai makluman tambahan pihak Jabatan PERHILITAN tiada sebarang dasar atau peruntukan untuk memberi ganti rugi atau pampasan di atas kemusnahan hasil tanaman disebabkan oleh gangguan gajah atau hidupan liar yang lain. Walau bagaimanapun, di bawah Jabatan Pertanian Johor ada menyediakan Bantuan Ihsan Bencana Alam bagi kemusnahan tanaman makanan seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran akibat serangan atau gangguan haiwan perosak. Bantuan ini terkecuali daripada projek-projek komersial dan perladangan. Bantuan ihsan ini adalah bagi membantu memulihkan projek petani dan pengusaha berskala kecil dan bukan bertujuan membayar ganti rugi kerosakan akibat bencana. Semua permohonan bantuan bencana oleh petani atau peladang perlu dikemukakan ke Pejabat Pertanian Daerah sebelum dimajukan ke peringkat Jabatan Pertanian Negeri. Semua permohonan (permohonan lengkap yang telah disahkan) perlu dikemukakan kepada Urusetia Jabatan Pertanian dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas bencana berlaku. Setiap permohonan perlu dibuktikan melalui borang bencana yang telah disemak oleh Pegawai Pertanian Daerah berserta nilai kerosakan yang telah disahkan oleh Ketua Kampung.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 50 (A113)

Berapakah kilang-kilang yang dibenarkan beroperasi sepanjang Fasa Pertama PPN (Pelan Pemulihan Negera) yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya di kawasan DUN Bukit Naning yang merupakan industri perabot.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Naning yang telah mengutarakan soalan. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jumlah bagi kilang yang dibenarkan beroperasi sepanjang Fasa Pertama PPN (Pelan Pemulihan Negara) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah sebanyak 24 buah syarikat. Namun begitu, ianya hanya melibatkan industri makanan dan juga industri tekstil dan tidak melibatkan industri perabot kerana industri perabot bukan *essential industries*.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 51 (A197)

Berapakah jumlah dan peratusan peningkatan pengangguran di negeri Johor bermula pada Januari hingga Julai 2021, dan berapakah jumlah pengangguran akibat kesan dari pandemik COVID-19?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Penggaram yang telah mengutarakan soalan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, serangan Pandemik COVID-19 di seluruh negara telah menyumbang kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang lalu bagi membendung penularan Pandemik maut tersebut telah berubah sistem kehidupan normal mahupun sosioekonomi negeri kepada satu norma serta cabaran baru. Antara sektor yang terkesan teruk akibat dari perubahan ini adalah sektor modal insan yang mana kadar pengangguran telah meningkat secara mendadak. Berdasarkan terma oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, defisini penganggur adalah merujuk kepada individu yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan.

Berdasarkan laporan Statistik Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Julai 2021. Bagi tahun 2020, negeri Johor telah mencatatkan peningkatan jumlah bilangan penganggur seramai 15.4 ribu orang kepada 65.0 ribu orang penganggur dengan kadar pengangguran naik 0.8% kepada 3.5% pada tahun tersebut.

Bagi tahun 2021 pula, kadar pengangguran negeri Johor pada suku pertama (ST1) 2021 telah merekodkan sejumlah 70.8 ribu orang penganggur dengan kadar pengangguran bersamaan 3.9%. Jumlah ini telah menunjukkan kadar peningkatan penganggur seramai 13.3 ribu orang berbanding 57.5 ribu orang penganggur yang telah direkodkan pada suku yang sama tahun sebelumnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 52 (A176)

Kawasan DUN Penawar merupakan kawasan Pelancongan. Sebagai ADUN Penawar saya memohon kepada kerajaan negeri untuk memberi fokus kepada pemain ekonomi hiliran dalam pemberian vaksin. Sekiranya negara mencapai Herd Immunity kawasan Desaru merupakan kawasan tumpuan utama para pelancong antarabangsa dan domestik.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Jabatan Kesihatan sedang berusaha mempercepatkan pencapaian herd immunity kepada semua daerah di negeri Johor. Ke arah itu pengagihan vaksin adalah bergantung kepada bilangan populasi yang disasarkan dengan keutamaan diberikan kepada golongan rentan seperti wargaemas dan mereka yang berkemobiditi. Liputan Dos 1 bagi daerah Kota Tinggi, sebanyak 41% selari dengan sasaran negeri sebanyak 40.7%.

Pihak jabatan berusaha untuk memenuhi semua permohonan yang diajukan tetapi demi keadilan seluruh masyarakat Johor, jabatan perlu melihat kepada keutamaan yang penting. Ini termasuk memantapkan vaksinasi di lokasi wabak tinggi dengan kematian yang tinggi. Buat masa ini kawalan pintu masuk serta situasi Johor di fasa 1 PKP, dapat mengawal risiko penularan akibat pelancongan.

Begitu juga daerah sendiri perlu memainkan peranan di dalam memantapkan District Risk Reduction Program (DRRP) dengan pemimpin tempatan memainkan peranan untuk penyampaian komunikasi risiko yang berkesan melalui program Inisiatif Pemimpin Advokasi Covid-19 (IPAC).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 53 (A67)

Sehingga kini, berapa ramaikah warga Johor yang telah hilang pekerjaan, termasuk yang bekerja di Singapura? Berikan bilangan mengikut peringkat umur dan daerah di Johor.

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 54 (A212)

Sila nyatakan kadar pengangguran dan statistik kehilangan pekerjaan seluruh daerah Muar sepanjang tempoh PKP bermula Mac 2020 sehingga kini dan tindakan serta bantuan kerajaan negeri menempatkan semula mereka yang hilang pekerjaan di sektor lain.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A67 & A212)

Izinkan saya menjawab persoalan Yang Berhormat Kemelah dan Yang Berhormat Maharani secara bersekali kerana ianya berkaitan dan menyentuh mengenai sektor modal insan di negeri ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat serta menjawab persoalan mengenai jumlah pekerja warga Johor yang telah kehilangan pekerjaan pada tahun ini. Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh PERKESO negeri Johor, Jumlah individu yang kehilangan pekerjaan di negeri Johor bagi tahun 2021 sehingga Julai 2021 adalah seramai 3,583 orang.

Jumlah warga Johor yang bekerja di Singapura dan telah kehilangan pekerjaan tidak dapat dibekalkan kerana agensi-agensinya yang terbabit tidak mempunyai maklumat yang tepat dan sahih mengenai perkara ini.

Menurut rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, jumlah bagi pekerja yang bekerja di Negeri Johor dan terlibat dalam tindakan pemberhentian tetap sehingga Julai 2021 adalah seramai 3243 orang pekerja. Pecahan bilangan majikan dan jumlah pekerja mengikut daerah bagi tahun 2020 dan 2021 (sehingga bulan Julai) adalah seperti berikut :-

TAHUN 2020	
DAERAH	JUMLAH PEKERJA YANG TERLIBAT
JOHOR BAHRU (JB/Pontian/K.Tinggi/P.Gudang/Kulai/Pengerang)	5735
SEGAMAT (Segamat & Labis)	199
KLUANG (Kluang & Mersing)	1615
BATU PAHAT (Batu Pahat & Yong Peng)	298
MUAR (Muar & Tangkak)	410
JUMLAH	8257

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

TAHUN 2021 (Sehingga Julai 2021)	
DAERAH	JUMLAH PEKERJA YANG TERLIBAT
JOHOR BAHRU (JB/Pontian/K.Tinggi/P.Gudang/Kulai/Pengerang)	2906
SEGAMAT (Segamat & Labis)	8
KLUANG (Kluang & Mersing)	217
BATU PAHAT (Batu Pahat & Yong Peng)	96
MUAR (Muar & Tangkak)	16
JUMLAH	3243

Pecahan jumlah individu yang kehilangan pekerjaan di negeri Johor mengikut peringkat umur yang telah direkodkan oleh PERKESO negeri Johor pada tahun ini sehingga Julai 2021 adalah seperti di bawah :-

PERINGKAT UMUR	JUMLAH
55 - 59 Tahun	233
50 - 54 Tahun	397
45 - 49 Tahun	438
40 - 44 Tahun	480
35 - 39 Tahun	492
30 - 34 Tahun	609
25 - 29 Tahun	633
20 - 24 Tahun	279
15 - 19 Tahun	22
	3,583

Mengenai usaha serta tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu kehilangan pekerjaan dan penempatan semula kerja individu terbabit, kerajaan negeri sentiasa komited dan gigih melaksanakan pelbagai inisiatif dan program menerusi agensi utama kerajaan negeri iaitu Unit Strategik Modal Insan (SMI). Selain itu, kerajaan juga giat menjalinkan usahasama strategik dengan agensi-agensinya kerajaan mahupun swasta yang berkaitan dalam usaha merangka pelan perancangan dan tindakan proaktif bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan sektor modal insan di negeri ini. Pelbagai bentuk kursus latihan mahupun bantuan kepada golongan sasaran telah pun ditawarkan oleh kerajaan secara langsung mahupun tidak langsung menerusi agensi-agensinya terbabit.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 55 (A138)

Mohon dinyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat pentingnya caruman PERKESO dengan wujudnya peluasan dasar skim keselamatan sosial pekerja sendiri dan penglibatan agensi lain seperti kementerian komunikasi dan multimedia.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Parit Raja, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi tujuan hebahan dan kesedaran awam mengenai kepentingan caruman PERKESO.

Selain hebahan melalui platform media sosial milik agensi kerajaan negeri seperti Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor, PERKESO negeri Johor turut aktif membuat hebahan serta promosi mengenai perkhidmatan yang ditawarkan. PERKESO Johor telah menganjurkan sejumlah 777 sesi libat urus dengan pelbagai agensi sepanjang tahun ini sehingga Julai 2021. Selain itu, aktiviti-aktiviti promosi telah dilaksanakan melalui pelbagai medium media massa elektronik seperti filem, drama video dan juga media sosial.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 56 (A76)

Mohon naik taraf capaian internet dengan segera. Penting agar pelajar tidak ketinggalan dalam PDPR. Mohon kerajaan negeri beri Data Internet percuma bagi tujuan PDPR. Mohon KEJORA tambah peruntukan bantuan gajet dan peranti bagi tujuan PDPR .

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil maklum akan permohonan ini, serta sentiasa meneliti pendekatan yang terbaik dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia. Pihak SKMM sesungguhnya memahami permasalahan liputan telekomunikasi yang dihadapi oleh rakyat pada masa kini. Justeru, adalah menjadi hasrat pihak SKMM untuk mempercepatkan tindakan penambahbaikan liputan di seluruh negara.

Dengan mengambil kira faktor tersebut, pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah dibangunkan dengan sasaran meningkatkan liputan 4G seluruh di Semenanjung Malaysia kepada 98.1% menjelang 2022 dalam dua tahun pertama pelaksanaannya. Namun yang demikian, di mana perlu pihak SKMM sentiasa berusaha untuk memberi keutamaan pelaksanaannya dari tempoh sasaran asal yang telah ditetapkan.

Setiap permohonan sentiasa akan diberi perhatian di pihak SKMM, namun akan terdapat faktor-faktor kekangan yang perlu diselesaikan serta ditangani dalam menjayakan hasrat ini. Namun yang demikian, usaha giat sentiasa dan sedang dilakukan untuk menangani isu liputan telekomunikasi yang pada waktu ini menjadi agenda utama SKMM di seluruh negara.

Tuan Speaker. berkaitan data internet percuma pula, pihak kerajaan persekutuan telah pun menjalin kerjasama dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama negara untuk memberi 1 gigabit data internet harian secara percuma sehingga 31 Disember 2021 melalui Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 28 Jun yang lalu.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 57 (A74)

Terdapat 4 ketua kampung yang dilantik di DUN Senggarang yang tinggal di luar kawasan JPKK. Ini mengakibatkan permasalahan penduduk terabai. Apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan isu ini?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Pejabat Daerah Batu Pahat tidak menerima sebarang aduan daripada penduduk dan Penghulu Mukim yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dan Pihak Pentadbiran Daerah akan sentiasa memastikan pihak pentadbiran JPKK sentiasa dapat berjalan dengan lancar.

Sekiranya terdapat permasalahan berkaitan dengan prestasi ketua kampung yang tidak memuaskan, aduan bolehlah dikemukakan kepada Pejabat Daerah untuk tindakan selanjutnya. Ini adalah kerana kuasa Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Panel Penilaian Anggota (JPPA) JPKK boleh membuat perakuan kepada pihak Kerajaan Negeri Johor sekiranya prestasi ketua kampung yang terlibat tidak memuaskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)

SOALAN 58 (A77)

Mohon inisiatif pembelajaran PDPR secara "off site" bagi kawasan tiada atau kurang capaian internet. Contoh : di Balairaya dengan ada guru yang mengajar dengan SOP yang ketat. Ini bertujuan untuk mengelakkan tiada pelajar keciciran dalam pelajaran.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Jabatan Pendidikan Negeri Johor merujuk panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Versi 1.0 sebelum disusuli dengan Versi 2.0. Manual PdPR tersebut menetapkan 3 pendekatan yang boleh dilaksanakan dengan mengambil kira kesesuaian dan kesediaan murid mendapat akses pendidikan secara *Online*, *Offline* dan *Offsite*. Pendekatan PdPR secara *Offsite* tidak dapat dilaksanakan semasa PKP kerana pematuhan SOP MKN semasa yang tidak membenarkan aktiviti berkumpul di suatu lokasi atau premis. Guru-guru boleh memilih pendekatan *Offline* atau *Hybrid* (gabungan *Online* dan *Offline*) bagi melaksanakan PdPR agar isu keciciran murid dalam pelajaran dapat ditangani dengan kerjasama ibu bapa/penjaga. Guru-guru disaran menggunakan modul terbimbing, pelaksanaan projek atau pelaksanaan PBL (*Project Based Learning*) sebagai usaha berterusan penyampaian isi kandungan matapelajaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 59 (A72)

Bagaimana kedudukan baki Tabung Warisan Negeri Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senggarang**, kedudukan baki Tabung Warisan Negeri Johor (TWNJ) berada pada tahap yang baik dan berbaki RM706.71 juta belum beraudit setakat tarikh berakhir 30 Jun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 60 (A36)

Apakah tindakan kerajaan negeri di dalam menjamin kecekapan dan keseragaman di dalam perancangan dan tindakan bagi semua pihak berkepentingan di dalam mengawal penularan wabak Covid-19 dan secara langsung membantu mangsa-mangsa termasuk yang di arah kuarantin?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 61 (A56)

Memandangkan kanak-kanak bawah 12 tahun masih lagi tidak memerlukan vaksin, adakah mereka perlu di kuarantin di pusat kuarantin apabila mereka di sahan positif Covid-19 dan ibu bapa mereka sudah di vaksin?

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 62 (A144)

Apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan kepatuhan orang yang diarahkan kuarantin di rumah sebab Covid-19?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 63 (A157)

Bincangkan dasar kuarantin bagi mereka yang balik dari Singapura ke Malaysia melalui Tambak Johor dan Tuas.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 64 (A205)

Bilakah warga Johor yang sudah divaksin 2 dos di Singapura dapat pulang ke Johor dengan kuarantin rumah atau tanpa kuarantin?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

(Jawapan bersekali untuk soalan A36, A56, A144, A157 & A205)

PENGURUSAN PESAKIT COVID-19

1. Apabila seseorang dikenalpasti positif COVID-19, ia perlu menjalani penilaian status kesihatan samada secara maya (virtual) atau secara fizikal di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC- Covid-19 Assessment Centre). Penilaian kesihatan akan dibuat bagi menentukan kategori pesakit. Pesakit yang berada di dalam kategori 1 atau 2 akan dirujuk ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) untuk menjalani isolasi dan rawatan. Manakala bagi kategori 3, 4 dan 5 pula akan dirujuk ke hospital. Definasi ketegori adalah seperti berikut:

- Kategori 1 – tiada gejala
- Kategori 2 – gejala ringan
- Kategori 3 – jangkitan paru-paru
- Kategori 4 – jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen
- Kategori 5 – kritikal organ rosak dan memerlukan ventilator

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

2. Pada masa ini semua pesakit positif COVID-19 perlu diisolasi tanpa mengira umur (termasuk kanak-kanak) atau status vaksinasi memandangkan pesakit masih di dalam tempoh kebolehhajatan.
3. Bagi mereka yang menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO-Home Surveillance Order), Jabatan Kesihatan menjalankan pemantauan harian (Home Monitoring) bagi mengetahui status kesihatan individu tersebut.
4. Trend **kepenggunaan katil hospital** kerajaan dari Disember 2020 hingga 25 Mei 2021 menunjukkan pertambahan bilangan hospital terlibat dan katil **khusus Covid19** berdasarkan keperluan dari masa ke semasa. Terkini, jumlah katil khusus Covid19 adalah sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan katil hospital. Pada 3 Ogos, kadar penggunaan katil wad di Hospital Kerajaan adalah 109.2% manakala kadar penggunaan katil ICU Covid-19 adalah 94.5%.
5. Bagi Hospital Swasta di Negeri Johor, terdapat 15 hospital yang turut sama membantu pengurusan COVID-19 dengan bilangan katil khusus Covid19 sebanyak 123 katil wad biasa dan 14 katil ICU.
6. Terdapat 3 Pusat Kuarantin & Rawatan Covid-19 (PKRC) sediaada iaitu dua PKRC awam (PKRC Pasir Gudang; PKRC Olive B) dan satu PKRC swasta iaitu PKRC DB Kompleks. Terdapat juga PKRC di dalam pusat tahanan iaitu di Penjara Kluang dan Pusat Koreksional Ulu Choh.
7. Covid-19 Assessment Centre (CAC) telah mula ditubuhkan pada 10 Januari 2021. Sehingga 6 Ogos 2021, terdapat 11 CAC yang telah diwujudkan di seluruh Negeri Johor.
 - 7.1. Jumlah kedatangan yang telah direkodkan sehingga 6 Ogos 2021 adalah sebanyak 335,081 iaitu 91,900 kes positif, 172,392 kontak rapat dan 70,789 bagi lain-lain kategori.
 - 7.2. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan CAC dilaksanakan dengan menyediakan perkhidmatan e-CAC bagi memudahcara pengurusan pesakit positif serta pencarian kontak di negeri Johor. Sistem ini dapat diakses pautan berikut <https://tinyurl.com/vcacjohor>, di mana pesakit akan dihubungi oleh petugas kesihatan dalam tempoh masa 48 jam.
8. Kontak rapat bagi kes tersebut pula akan menjalani penilaian dan diletakan di bawah kuarantin selama 10 hari hingga 14 hari, bergantung kepada penilaian risiko wabak di lokasi, dengan dua ujian dijalankan.
9. Kesemua pesakit positif COVID-19 tanpa mengira umur (termasuk kanak-kanak) serta samada belum atau telah menerima suntikan vaksin perlu diisolasi samada di hospital atau PKRC memandangkan pesakit masih di dalam tempoh kebolehhajatan. Manakala, bagi kontak rapat pula, kuarantin akan dilaksanakan di kediaman masing-masing sehingga tempoh inkubasi selesai iaitu 14 hari.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

DASAR KUARANTIN BALIK DARI SINGAPURA KE MALAYSIA

- Buat masa ini, kesemua pengembara dari Singapura dikehendaki menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan walaupun pengembara tersebut telah lengkap menerima 2 dos vaksin. Ini adalah kerana Singapura merupakan salah satu negara yang tersenarai di dalam negara yang melaporkan VOC.
 - Walaubagaimanapun kerajaan negeri Johor telah mengemukakan permohonan untuk membenarkan rakyat Johor yang bekerja di Singapura menjalani kuarantin di rumah dengan berlandaskan status vaksinasi lengkap mereka.
- (1) Merujuk kepada perkara 9.3 muka surat 18, Garis Panduan Agensi Pengurusan Bencana (NADMA), Jabatan Perdana Menteri berkaitan Proses Kemasukan dan Kuarantin Person Under Surveillance (PUS) Yang Tiba Dari Luar Negara bertarikh 24 Julai 2020 (Pindaan 12 Jun 2021) bagi individu/pengembara yang balik dari Singapura ke Malaysia melalui program di bawah *Reciprocal Green Lane (RGL)* dan *Periodic Commuting Arrangement (PCA)* seperti berikut:
- (i) Permohonan pegerakan melalui aplikasi MyTravelPass (MTP) di bawah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
 - (ii) Sijil Keputusan Ujian Saringan Covid-19;
 - (iii) Menjalani tempoh kuarantin di Stesen Kuarantin yang telah diwartakan oleh Kerajaan bagi tempoh 14 hari berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342];
 - (iv) Mulai 24 Julai 2020, Kerajaan Malaysia juga telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin di stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan;
 - (v) Individu yang dikenakan perintah kuarantin dan memegang "Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta 342" dirujuk sebagai Person Under Surveillance (PUS); dan
 - (vi) Kadar kos kuarantin, kadar bayaran, proses kuarantin dan pengecualian kuarantin adalah tertakluk di bawah Seksyen 15, Akta 342.
- (2) Pada masa ini, **Skim RGL telah digantung bermula 1 Februari 2021 oleh Kerajaan Singapura.**
- (3) Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa memberi pandangan dan cadangan kepada Kerajaan Pusat berkaitan sempadan Malaysia-Singapura di Tambak Johor dan Tuas seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021**

- (4) Kerajaan Negeri telah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya pengecualian kuarantin di stesen kuarantin dan hanya dikuarantin di rumah bagi warganegara tiba dari Singapura;
- (i) Cadangan pengecualian kuarantin di stesen kuarantin dan hanya dikuarantin di rumah bagi warganegara tiba dari Singapura;
- (ii) Pengecualian diberi kepada pengembara yang memenuhi syarat berikut:
- (a) warganegara Malaysia
 - (b) telah lengkap menerima 2 dos vaksin dan melebihi 14 hari
 - (c) mempunyai kediaman yang beralamat di Johor
 - (d) kediaman tersebut tidak mempunyai golongan berisiko seperti warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak
 - (e) kediaman tersebut mempunyai bilik tersendiri yang dilengkapi kemudahan tandas.
- (5) Hasil cadangan berkaitan kuarantin tersebut, Kerajaan Pusat telah memutuskan bermula 10 Ogos 2021 seperti berikut:

Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia (termasuk PR dan Malaysia MY Second Home) yang pulang atau tiba dari luar negara dan telah mendapat vaksin dos lengkap, DIBENARKAN menjalani kuarantin wajib di rumah dan diberikan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah (HSO) digital